

Newspaper
Date

Berita Harian
5 March 2016

Deklarasi hasut rakyat jatuhkan Najib

Dr Mahathir bersekongkol dengan parti pembangkang

oleh Rohaniza dan Mohd Nuzaruddin Parzi
rohaniza@bh.com.my

10 Mac 2016

Selepas gagal mempengaruhi ahli UMNO, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam bersekongkol dengan DAP dan parti pembangkang lain yang pernah menjadi seteru politiknya dalam cubaan menjatuhkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Beliau mengumpulkan pimpinan PAS, AMANAH dan PKR di Pusat Alumni Universiti Malaya, di sini atas nama majlis memeterai deklarasi Selamatkan Malaysia untuk menghasut rakyat menjatuhkan Najib.

Turut bersekongkol ialah bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Pemimpin DAP yang hadir ialah Lim Kit Siang, Naib Pengerusi Kebangsaan, Teresa Kok dan Setiausaha Organisasi Kebangsaan, Anthony Loke. Hadir sama, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Tan Sri Sanusi Junid; Pengarah Pilihanraya PAS Pusat, Datuk Mustafa Ali dan Presiden AMANAH, Mohamad Sabu.

Bagaimanapun, kepimpinan utama PAS, termasuk Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan tim-



Dr Mahathir selepas mengadakan sidang media di Kelab Persatuan Alumni UM. Turut hadir, Muhyiddin, Mukhriz dan Mohamed Azmin (tiga dari kanan).
(FOTO ASYRAF HAMZAILU/BH)

balannya, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man serta Presiden PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Naib Presiden, Nurul Izzah Anwar, tidak hadir.

Bukan jatuhkan BN

Dalam sidang media, Dr Mahathir mendakwa ia bukan gerakan menjatuhkan Barisan Nasional (BN) dan UMNO walaupun dilihat mesra dengan pemimpin pembangkang, iaitu musuh politik sepanjang 22 tahun pemerintahannya.

Beliau berbual mesra dengan Kit Siang, pengkritik utamanya

dan kemudian bersama-sama menjulang tangan pemimpin pembangkang lain serta bersama Muhyiddin dan Mukhriz pada akhir sidang media.

Seramai 58 orang menandatangani deklarasi 37 perkara itu, termasuk pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) propembangkang. Turut sama, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Pengantur mengumumkan beberapa tokoh lain yang menandatangani deklarasi itu tetapi tidak hadir adalah Mohd Shafie, bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin; bekas Pengarah

Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Tan Sri Zaman Khan dan peguam, Matthias Chang.

Dr Mahathir mengakui gerakan itu adalah kumpulan pendesak yang mengajak rakyat menyingkir Najib dan tidak timbul isu kerjasama beliau dengan kumpulan pembangkang yang pernah menolaknya sebelum ini.

Gagal beri jawapan

Bagaimanapun, beliau gagal memberikan jawapan siapa yang dicadangkan sebagai pengganti Najib.

"Ia tidak dibincang dan tiada

keutamaan kami menyingkirkan Najib... soal siapa pengganti adalah perkara kedua. Saya boleh kempen untuk sesiapa saja yang hendak menggantikan Najib"

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

ketetapan dibuat" katanya.

Mengenai sama ada jawatan Perdana Menteri akan diberikan kepada DAP, beliau menjawab: "Keutamaan kami menyingkirkan Najib... soal siapa pengganti adalah perkara kedua. Saya boleh kempen untuk sesiapa saja yang hendak menggantikan Najib."

Gerakan itu bagaimanapun, tidak sependapat dalam isu membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kita hanya tumpu perhatian untuk singkir Najib," kata Dr Mahathir ketika ditanya pemberita sama ada beliau akan turut berjuang untuk membebaskan Anwar.

Bagaimanapun dalam sidang media sama, Peguam Datuk S Ambiga menggesa supaya isu pembebasan Anwar dimasukkan dalam deklarasi itu.

Mohamed Azmin pula berkata, agenda membebaskan Anwar adalah perkara utama bagi parti itu.

BH-5/3/2016